



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 Mac 2024
13 Ramadan 1445H**

Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• APMM, Jabatan Perikanan perlu asset canggih lawan perompak laut
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Lari lintang-pukang Nampak penguat kuasa
Kosmo	<ul style="list-style-type: none">•
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Lari tinggalkan panah ikan
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Awani	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	/	4
						24-3-2024

APMM, Jabatan Perikanan perlu aset canggih lawan perompak laut

KUALA LUMPUR: Masalah nelayan asing mencero boh dan mengaut hasil laut bernilai ratusan juta setiap tahun akan terus berlaku selagi penguatkuasaan dan aset menjaga perairan negara ibarat 'sekadar ada'.

Bercakap kepada Minggu Malaysia, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, jika benar-benar mahu menyekat 'rompakan' hasil laut, kerajaan perlu bersedia melabur dengan membeli aset canggih untuk menghalau penceroboh.

Menurut beliau, selain itu, cara dan sistem penguatkuasaan yang kini membabitkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Perikanan juga perlu berubah supaya seiring dengan kelicikan nelayan asing yang tidak berhenti cuba merompak hasil laut negara.

"Penguatkuasaan dalam negara dilaksanakan oleh APMM dan Jabatan Perikanan, namun agak lemah dan kurang berkesan, jadi kerajaan perlu ada peruntukan yang tinggi untuk menambah aset penguatkuasaan dan bukan seperti sekarang 'sekadar ada'.

"Aset kita memang kurang dan tidak banyak, jadi dengan cara ini pencerobohan diyakini dapat dikurangkan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Muhammad Faiz berkata, sebagai contoh APMM dan Jabatan Perikanan ketika ini memiliki pen-



PENCEROBOHAN nelayan asing akan terus berlaku selagi negara tidak mempunyai aset baharu dan canggih.

gurangan aset dari segi kapal untuk membuat rondaan dan ia perlu ditambah bagi membantu operasi ketika berlaku pencerobohan.

Terdahulu, dilaporkan Malaysia mengalami kerugian sehingga RM823 juta akibat pencerobohan kapal nelayan asing yang menangkap hasil laut di perairan negara antara tahun 2020 hingga 2023.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, dalam tempoh itu sebanyak 428 kes direkodkan oleh Jabatan Perikanan (DOF), Agensi Penguatkuasa Maritim (Maritim Malaysia) dan Polis Marin.

Pecahan anggaran kerugian

mengikut tahun adalah RM225.22 juta pada 2020 (117 kes), RM238.69 juta pada tahun 2021 (124 kes), RM200.19 juta pada tahun 2022 (104 kes) dan RM159.77 juta pada tahun 2023 (83 kes).

Muhammad Faiz berkata, pihaknya juga melihat kerajaan perlu menambah jumlah kapal besar di zon C dan C2.

"Kalau kita lihat kapal tempatan di Zon C dan C2 sangat kurang, maka apabila berlaku kekosongan, ia membuka ruang kepada pencerobohan. Usaha yang kita lakukan adalah dalam Pemodenan Vesel Penangkapan Ikan, kita buka lesen untuk bot C dan C2," ujar beliau.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	29	24-3-2024

Lari tinggalkan panah ikan

SH. M 527, 2445

JELEBU - Jabatan Perikanan Negeri Sembilan menyita seunit panah ikan tradisional iaitu alat yang dilarang digunakan untuk menangkap ikan selepas ditinggalkan di tepi Sungai Limau, Kenaboi di sini.

Pelakunya dipercayai melarikan diri sebaik menyedari kehadiran anggota dari Unit Perikanan Darat, Pejabat Perikanan Daerah (PPD) Jelebu

di lokasi pada Jumaat.

Ketua operasinya, Timbalan Pegawai Perikanan Darat (TPPD), Mohd Azhar Jusoh berkata, operasi itu disertai dua anggota dan setakat ini pelakunya tidak dapat dikesan.

"Aktiviti menembak ikan ini kebanyakan dilakukan pada waktu malam sebab ikan dian (tidur), air pula jernih," katanya kepada *Sinar Harian*.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		6	24.3.2024

Lari lintang-pukang nampak penguat kuasa

Jelebu: Dua lelaki tidak sempat membawa peralatan memamah ikan tradisional selepas lari lintang-pukang sebaik menyedari kehadiran penguat kuasa Jabatan Perikanan Negeri Sembilan yang melakukan pemantauan, kelmarin.

Memanah ikan antara aktiviti menangkap ikan yang dilarang di negeri ini selain tuba, renjatan elektrik, menembak dan megepom.

Timbalan Pegawai Perikanan Darat (TPPD), Mohd Azhar Jusoh berkata, operasi dari jam 9.30 pagi dan berakhir jam 3 petang itu bertujuan memastikan segala bentuk larangan menangkap ikan secara salah dipatuhi.

Katanya sebaik tiba di Sungai Limau, Kenaboi dua lelaki melarikan diri sebaik menyedari kehadiran pasukan penguatkuasa.

“Pemeriksaan menemui satu unit peralatan memamah ikan yang ditinggalkan di tepi sungai.

“Kita menyita peralatan itu selain membuat laporan di Balai Polis Kuala Klawang,” katanya.

Mohd Azhar berkata pihaknya akan melakukan lebih banyak operasi selepas ini selepas mendapat aduan aktiviti menembak ikan banyak dilakukan pada waktu malam.

Katanya disebabkan ketika ini air sungai jernih, selain ikan banyak pada waktu malam, aktiviti terlarang itu mudah dijalankan pada hari malam selain ia tidak disedari orang ramai.

“Perbuatan memamah ikan boleh dikenakan tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) 1976, Negeri Sembilan dan jika didapati bersalah boleh didenda dan dipenjarakan atau kedua-duanya sekali.

“Orang ramai boleh menyalurkan maklumat berkaitan di Pejabat Perikanan berhampiran supaya tindakan susulan dapat diambil,” katanya.



MOHD Azhar menunjukkan peralatan menangkap ikan yang ditemui di tepi Sungai Limau, Kenaboi.